

aab

Mahathir - Australia
KEATING BOLEH LAWAT M'SIA, KATA DR MAHATHIR

PEKAN, 25 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakan sejawatannya dari Australia, Paul Keating, boleh melawat Malaysia jika beliau mahu.

Perdana Menteri berkata terpulanglah kepada Keating sama ada mahu berbuat demikian atau tidak.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai laporan akhbar Australia bahawa Keating, yang dibidas pelbagai pihak kerana menyifatkan Dr Mahathir "keras kepala," dijadualkan melawat Malaysia tahun depan.

"Terpulanglah kepada dia. Kita akan tengok keadaan," katanya apabila ditanya sama ada Keating akan diterima untuk melawat Malaysia.

Terdahulu Dr Mahathir melancar serta memandu uji kereta perisai DRB Pinzgauer di Kawasan Perindustrian Peramu Jaya di sini sebelum menyerahkannya kepada Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak. --
Lagi.

▼25/11/18-02MST

CNS0408

U GB 25-11 00134 BA179

aab

Mahathir - Australia 2 Pekan

Perdana Menteri juga memberi jaminan bahawa Keating tidak akan menghadapi sebarang suasana negatif seperti dibaling dengan cat sekiranya beliau melawat Malaysia.

"Dahulu ketika Tun Razak pergi ke sana, orang membaling cat dan membuat macam-macam terhadap beliau, tetapi kita senyap sahaja," katanya.

Mengenai desakan Pergerakan Pemuda UMNO agar kerajaan mengkaji semula hubungan di antara kedua-dua negara sekiranya Australia tidak meminta maaf dan memberi penjelasan berhubung kenyataan Keating itu, Dr Mahathir berkata kerajaan perlu mengkaji perkara itu terlebih dahulu.

Katanya, pada masa ini beliau tidak berani menyatakan pro dan kontra atau keadaan mana yang lebih baik sekiranya keputusan seumpama itu diambil.

"Itu pandangan Pergerakan Pemuda yang merupakan sebahagian daripada UMNO, yang menjadi pendokong kerajaan," katanya. -- Lagi.

▼25/11/18-45MST

CNS0411

U GB 25-11 00104 BA180

aab

Mahathir - Australia 3 (Akhir) Pekan

"Pandangan (Pergerakan) Pemuda (UMNO) mesti diberi pertimbangan," kata Dr Mahathir.

Semalam pergerakan itu menghantar surat bantahan kepada Pesuruhjaya Tinggi Australia di Malaysia, John Dauth, menuntut Keating meminta maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri dan seluruh rakyat Malaysia dalam tempoh seminggu.

Selain daripada itu, Australia juga perlu memberi penjelasan mengenai peristiwa itu serta jaminan perkara seumpama itu tidak berulang.

Pergerakan itu juga mengadakan mesyuarat tergegar Exco di Bangunan Parlimen bagi membincangkan perkara itu dengan dipengerusikan oleh Naib Ketuanya Datuk Nazri Aziz. -- Bernama.

JO NMO

▼25/11/18-46MST